

**TEKS UCAPAN
YB DATO' SRI LIOW TIONG LAI,
MENTERI PENGANGKUTAN MALAYSIA
PERASMIAN
MAJLIS PELANCARAN KEMPEN KESELAMATAN JALAN RAYA
DAN OPS BERSEPADU PERINGKAT KEBANGSAAN
SEMPENA PERAYAAN TAHUN BARU CINA 2017**

PINTU UTAMA SUNWAY PYRAMID,
SUNWAY PYRAMID SHOPPING MALL.
17 JANUARI 2017 (SELASA) | 1.00 PETANG

Terima kasih Saudara Pengacara Majlis.

YBhg. Datuk Seri Hj. Saripuddin Hj. Kasim,
Ketua Setiausaha, Kementerian Pengangkutan.

YBhg. Dato' Arifin Che Mat,
Ketua Pengarah, Jabatan Keselamatan Jalan Raya (JKJR).

LTAT
SUNWAY GROUP

Rakan-rakan media.

Tuan-tuan dan puan-puan serta para hadirin yang saya hormati sekalian.
Selamat Petang, Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia.

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih atas kehadiran semua pada petang ini untuk bersama-sama di **Majlis Pelancaran**

Kempen Keselamatan Jalan Raya Dan Ops Bersepadu Peringkat Kebangsaan Sempena Tahun Baru Cina 2017.

Ucapan terima kasih juga kepada Jabatan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (JKJR), Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dan semua kementerian, Jabatan dan Agensi kerajaan dan tidak lupa juga pihak sektor swasta dan badan bukan kerajaan (NGO) di atas kerjasama yang diberikan dalam menjayakan majlis ini.

Sesungguhnya, komitmen yang ditunjukkan oleh semua pihak bagi menghadirkan diri di majlis ini merupakan simbolik kepada usaha keras berterusan kita bagi mengurangkan kadar kemalangan jalan raya dan lebih utama lagi kadar kematian akibat kemalangan jalan raya sempena Musim Perayaan seperti perayaan Tahun Baru Cina yang akan datang ini.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Setiap tahun, di forum yang sama, dengan matlamat yang sama, dan ucapan yang sama, saya sentiasa menegaskan kepentingan memelihara keselamatan jalan raya.

Pelbagai kempen media dan inisiatif dilaksanakan oleh pihak kerajaan mahupun sektor swasta bagi mengingatkan pengguna jalan raya agar berhati-hati dan mengikut undang-undang jalan raya yang telah ditetapkan bagi mengelakkan sebarang kejadian yang tidak diingini.

Namun begitu, realitinya amat menyedihkan apabila kadar kemalangan dan kematian akibat kemalangan terus meningkat saban tahun.

Buktinya sungguh jelas, baru-baru ini kita mengakhiri tahun 2016 dengan tragedi yang amat menyayat hati, kemalangan bas di Pagoh yang meragut 14 nyawa pada akhir bulan Disember yang lalu.

Isu keselamatan jalan raya ini begitu dekat di hati saya lebih-lebih lagi selaku Menteri Pengangkutan.

Malah, Kerajaan amat mremandang serius akan perkara ini dengan pelbagai program, inisiatif dan langkah-langkah diambil bagi menyelesaikan isu ini.

Pada saya isu utama di sini adalah sikap dan *mindset* kita sendiri selaku pengguna jalan raya.

Sekiranya kita semua mematuhi undang-undang, sentiasa beringat bukan sahaja untuk keselamatan diri sendiri, malah untuk pengguna jalan raya lain – saya yakin dan pasti kadar kemalangan akan dapat dikurangkan.

Sayangnya, dalam negara yang dilengkapi dengan pelbagai infrastruktur dan kemudahan yang sepatutnya memberikan faedah dan keselesaan kepada pengguna jalan raya sebaliknya bertukar menjadi tempat ngeri berlakunya kemalangan yang tidak diingini.

Oleh sebab itu kita harap dengan pelaksanaan *Automated Awareness Safety System* (AwAS) pada tahun 2017 ini akan membantu kerajaan

khususnya dalam merealisasikan harapan untuk melihat penurunan mendadak kadar kemalangan dan kematian di jalan raya.

Dengan gabungan penggunaan teknologi berkamera dan potongan mata demerit, AwAS dijangka mampu menampakkan hasil yang berkesan bagi mendidik pengguna jalan raya supaya mematuhi peraturan melalui penguatkuasaan yang efisien dan efektif.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Menjelang setiap musim perayaan atau cuti panjang, pelbagai berita tentang kemalangan yang mengorbankan banyak nyawa kita dengarkan.

Terkini, dalam tahun 2016 sahaja, angka kematian akibat kemalangan telah meningkat dengan begitu mendadak kepada lebih 7000 kematian.

Ini sangat-sangat membimbangkan dan saya sendiri begitu terkesan kerana sejak mengambil alih jawatan Menteri Pengangkutan, inilah menjadi fokus utama saya. Mengikut sumber dari Polis DiRaja Malaysia (PDRM):-

- Jumlah kemalangan jalan raya pada tahun 2016 telah meningkat kepada 521,466 berbanding 489,606 pada tahun 2015;
- Jumlah **kemalangan maut** pula mencatatkan 6,570 kemalangan bagi tahun 2016 berbanding 6,193 pada tahun 2015;
- **Jumlah kematian** juga menunjukkan peningkatan bagi tahun 2016 dengan 7,152 kematian berbanding 6,706 pada tahun 2015;

- Di mana 62.7% daripada kematian tersebut merupakan pengguna motosikal.

Angka-angka yang dinyatakan ini seharusnya membuka mata banyak pihak untuk mengamalkan sikap sentiasa berhati-hati ketika berada di jalan raya.

Seperti yang saya nyatakan tadi, punca –punca berlakunya kemalangan di jalan raya seperti ini banyaknya berpunca daripada sikap dan amalan para pengguna itu sendiri dan ini disokong oleh statistik dan analisis oleh pihak berkuasa.

Kecuaian manusia atau *human error* merupakan punca utama 80.6% kemalangan di jalan raya. Saya pohon dengan sebenar-benarnya janganlah hanya kerana ingin cepat tiba ke destinasi nyawa kita dan orang lain terancam dan tergadai. Biarlah lambat asal selamat.

Kita semua tahu bahawa penyumbang terbesar kepada kemalangan adalah memandu atau menunggang melebihi had laju, menukar laluan tanpa memberikan isyarat, berlumba, mencelah-celah, melanggar lampu isyarat serta menggunakan telefon bimbit semasa memandu.

Makanya, tema kempen kali ini iaitu “**Pandu Cermat, Sampai Selamat**” dipilih supaya dapat memberi kesedaran kepada para pengguna jalan raya.

Para hadirin yang saya hormati,

Program Penguatkuasaan

Saya amat gembira dan berbesar hati kerana pada thun ini, buat pertama kalinya, PDRM dan JPJ telah sepakat untuk mengadakan Ops Selamat (PDRM) dan Ops Bersepadu (JPJ) yang akan dilaksanakan serentak dalam tempoh yang sama bermula daripada 21 Januari 2017 hingga 5 Februari 2017.

Ops Selamat ini akan memberikan tumpuan kepada Advokasi dan penguatkuasaan undang-undang melalui konsep Ronda dan Statik di kawasan kerap berlaku kemalangan atau *black spot*.

Malah pihak polis juga akan melakukan pemantauan udara bersama Pasukan Gerakan Udara PDRM akan membantu dalam penugasan trafik dengan menunjukkan *omni-presence* sepanjang Ops Selamat.

Ops Bersepadu oleh Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) pula seperti lazimnya akan bekerjasama dengan Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) untuk menjalankan pemeriksaan ujian air kencing bagi pemandu bas di di 30 terminal bas.

Objektif utama penguatkuasaan ini juga adalah untuk meningkatkan *Perception of Being Caught* (POBC) di kalangan pengguna jalan raya dalam usaha mengurangkan kemalangan dan kematian di jalan raya.

Antara program yang telah dirangka bagi mencapai objektif tersebut termasuklah:-

- a. Pemeriksaan Bas Di Depoh;
- b. Pemeriksaan Bas Di Terminal;
- c. Peyamaran Sebagai Penumpang Bas;
- d. Rondaan Di Lebuhraya dan Jalan Utama;
- e. Penguatkuasaan Ops Motosikal Khas;
- f. Program Advokasi; dan
- g. Kempen Keselamatan Media Sosial.

Hadirin sekalian,

Gabungan usaha bersepadu ini di antara pelbagai kementerian dan agensi serta kerjasama daripada syarikat-syarikat korporat dan NGO menunjukkan betapa kerajaan serius dan komited dalam melaksanakan usaha mengurangkan kadar kemalangan di jalan raya.

Kementerian Pengangkutan melalui JKJR terus komited dalam menyampaikan mesej keselamatan jalan raya kepada pengguna jalan raya di Malaysia melalui saluran radio dan televisyen milik kerajaan dan swasta dengan kerjasama syarikat-syarikat korporat.

Selain itu, penumpuan terus diberikan kepada **media digital** dan **media sosial** seperti Facebook, Instagram dan Twitter seiring dengan minat Generasi Y yang lebih cenderung untuk mendapatkan sebarang info melalui media sosial berbanding media cetak.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Kawalan dan sekatan dalam tempoh Ops Bersepadu

Seperti setiap tahun, terdapat beberapa kawalan yang akan dilaksanakan menjelang setiap musim perayaan. Ini termasuk larangan ke atas kenderaan barangan tertentu pada **26 dan 27 Januari 2017** serta **31 Januari dan 01 Februari 2017**.

Selain itu, kerja-kerja penyelenggaraan dan pembinaan di kawasan lebuh raya, jalan persekutuan dan jalan negeri akan dihentikan, semua jentera dan peralatan akan dialihkan sepanjang tempoh operasi ini dijalankan.

Kementerian Kerja Raya (KKR) juga akanewartakan penurunan had laju sebanyak 10 km/j bagi jalan persekutuan dan jalan negeri bagi tempoh yang sama; (Jalan Persekutuan 80 km/j manakala Jalan Negeri 70 km/j).

Untuk tempoh ini juga, Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MIROS) akan menjalankan kajian penilaian terhadap keberkesanan program-program yang dijalankan semasa Ops Bersepadu.

Tiga indikator utama yang akan diguna pakai untuk menilai keberkesanan Ops sempena Tahun Baru Cina adalah seperti berikut:

- (i) Persepsi pengguna jalan raya ke atas penguatkuasaan dan advokasi;
- (ii) Perubahan tingkah laku pengguna jalan raya; dan
- (iii) Hasil penguatkuasaan iaitu kadar risiko kemalangan dan statistik kemalangan yang diperolehi daripada PDRM.

Kementerian Kesihatan Malaysia melalui Jabatan Kecemasan dan Trauma dengan kerjasama JBPM dan APM juga akan bersedia sedia selama 24 jam bagi memberi bantuan kecemasan kepada mangsa kemalangan atau nahas yang mungkin berlaku.

Bagi maksud tersebut, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) dan Angkatan Pertahanan Awam (APM) akan membuka bilik gerakan serta mengadakan rondaan, menumpukan di kawasan kerap berlaku kemalangan.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

Advokasi Khas Oleh Syarikat-syarikat Swasta

Penglibatan pihak swasta dan bukan kerajaan dalam kempen keselamatan jalan raya sentiasa dan amat dialu-alukan.

Saya berasa begitu gembira melihat perkembangan positif ini dan sekalung penghargaan yang tidak terhingga saya sampaikan kepada beberapa syarikat swasta yang telah menyumbang dalam usaha murni pada tahun ini. Ribuan terima kasih diucapkan kepada Sunway Group kerana telah memberi kemudahan logistik bagi melancarkan KEMPEN KESELAMATAN JALAN RAYA DAN OPS BERSEPADU PERINGKAT KEBANGSAAN SEMPENA PERAYAAN TAHUN BARU CINA pada tahun ini.

Bagi pemandu yang memandu jarak jauh sudah tentu merasa kepenatan, justeru itu PETRONAS Dagang Berhad akan membuka kaunter *Coffee Breaks* sempena kempen Balik Kampung di 121 Cawangan Stesen Minyak

PETRONAS yang terletak di Lebuhraya dan Jalan Utama Seluruh negara pada musim perayaan Tahun Baru Cina 2017.

Kempen ini bertujuan menggalakkan pemandu untuk berhenti rehat dan menyegarkan badan semasa memandu balik kampung. MOT dan Petronas juga telah berklobrasi bagi menyediakan hebahan bermesej 7 Tips Keselamatan Jalan Raya.

PUSPAKOM Sdn Bhd pula akan menyediakan perkhidmatan pemeriksaan kenderaan secara sukarela dan percuma kepada orang awam dari **16 hingga 27 Januari 2017** di semua cawangan Puspakom seluruh negara (56 buah cawangan).

Pemeriksaan yang akan dijalankan meliputi aspek pengesahan identiti kenderaan, ujian pengeluaran asap, bahagian atas dan bawah kenderaan, brek, suspensi, dan ketelusan cermin;

Syarikat Kawasaki Motors (Malaysia) Sdn. Bhd. telah melancarkan kempen pemeriksaan Motosikal secara percuma di Plaza Tol Sungai Besi pada 6 Januari 2017.

Pemeriksaan ini terbuka kepada semua jenis kenderaan motosikal yang meliputi 10 point utama komponen motosikal yang akan diperiksa;

Allianz Malaysia Berhad pula akan menjalankan kempen 'Balik Kampung' pada 24 Januari 2017 di lokasi-lokasi terpilih di Kuala Lumpur (KL Sentral), Johor dan Pulau Langkawi (Kedah).

Antara aktiviti-aktiviti yang dijalankan adalah pengedaran topi keledar dewasa, *booster seat*, baju hujan, pelekat pemantul cahaya dan *car shoulder pad*.

Atas kesedaran ini, banyak pihak korporat dan syarikat-syarikat swasta serta NGO menjadikan keselamatan jalan raya sebagai salah satu program Tanggungjawab Sosial Korporat atau *Corporate Social Responsibility* (CSR) yang harus dicontohi oleh pihak-pihak lain.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada semua YAB Menteri Besar, Ketua Menteri dan Pengerusi Majlis Keselamatan Jalan Raya (MKJR) Negeri yang bersama-sama menggerakkan pasukan advokasi dan kempen keselamatan jalan raya peringkat negeri masing-masing yang dikoordinasikan oleh JKJR negeri.

Akhir kata, saya menyeru semua pengguna jalan raya dan lebuhraya, pandulah dengan berhemah dan patuhilah peraturan jalan raya yang telah ditetapkan bagi mengurangkan statistik kemalangan jalan raya.

Marilah kita sama-sama berazam dan berusaha bagi mengurangkan kejadian kemalangan akibat dari sikap dan kelalaian kita sendiri.

Sebelum saya akhiri ucapan saya pada petang ini, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua

pihak, agensi kerajaan, swasta dan NGO yang telah bekerjasama untuk menjayakan kempen ini.

Memandangkan Tahun Baru Cina bakal menjelang, saya ingin mengucapkan Selamat tahun Baru Cina kepada semua – **GONG XI FA CAI, GONG XI GONG XI**

Maka dengan ini, saya dengan sukacitanya merasmikan **Kempen Keselamatan Jalan Raya dan Ops Bersepadu Peringkat Kebangsaan Sempena Perayaan Tahun Baru Cina 2017.**

Sesungguhnya, keselamatan jalan raya adalah tanggungjawab kita bersama.

“Pandu Cermat, Sampai Selamat”

Sekian, terima kasih.